



# KENYATAAN MEDIA

## Media Release

### **BULAN PERKHIDMATAN PEMBAYAR CUKAI 2011 DITERUSKAN SEHINGGA 30 JUN 2011**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa Program Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai 2011(BPPC 2011) untuk sesi kedua akan diteruskan sehingga 30 Jun 2011. BPPC sesi kedua ini memberikan tumpuan kepada **pembayar cukai yang mempunyai pendapatan daripada punca perniagaan** untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2010 mereka (Borang B 2010).

Pembayar cukai dalam kategori ini perlu mengemukakan Borang B Tahun Taksiran 2010 mereka serta menjelaskan sebarang amaun cukai yang kena dibayar sebelum atau pada 30 Jun 2011 bagi mengelakkan denda lewat hantar borang nyata dan denda lewat bayar cukai dikenakan ke atas mereka.

Bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan Borang B 2010 mereka dan melakukan bayaran secara atas talian (online), **kaunter tambahan untuk perkhidmatan e-Filing dan e-Bayaran** akan dibuka di semua **36 Cawangan LHDNM di seluruh negara**. Pembayar cukai juga boleh menggunakan perkhidmatan e-Filing dan e-Bayaran melalui **capaian terus** ke laman web rasmi seperti berikut:

Perkhidmatan Elektronik	Alamat URL
e-Filing	<a href="https://e.hasil.gov.my">https://e.hasil.gov.my</a>
e-Bayaran	<a href="https://epayment.hasil.gov.my">https://epayment.hasil.gov.my</a>
atau boleh juga melalui capaian di laman web rasmi LHDNM <a href="http://www.hasil.gov.my">www.hasil.gov.my</a>	

**Pembayar Cukai yang belum pernah menggunakan e-Filing** sebelum ini, perlu memohon nombor pin e-Filing terlebih dahulu melalui e-mel [pin@hasil.gov.my](mailto:pin@hasil.gov.my) atau menghubungi talian **1-300-88-3010**, manakala **pengguna e-Filing yang terlupa kata laluan** boleh set semula (*reset*) kata laluan e-Filing mereka dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

1. Klik ikon ' e-Filing' pada Laman Web [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)
2. Klik butang 'terlupa kata laluan'
3. Masukkan nombor Kad Pengenalan
4. Pilih soalan bagi **petunjuk kata laluan**
5. Masukkan jawapan bagi petunjuk kata laluan dan tekan butang 'Hantar'
6. Masukkan kata laluan baru, sahkan dan tekan butang 'Hantar'
7. Login e-Filing
8. Lengkapkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (e-B) dan 'Hantar'

Sekiranya pengguna e-Filing terlupa petunjuk kata laluan, mereka adalah dinasihatkan untuk menghubungi talian bantuan e-Filing di **03-4289 3535 (panggilan tempatan) dan +603-4289 3500 (panggilan antarabangsa) atau 1-300-88-3010**.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>Masrun bin Maslim</b> <b>Pegawai Perhubungan Awam</b> <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>31 Mei 2011</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-6203 1380</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-6201 2434</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	<b>:</b>	<b>1-300-88-3010</b>

**[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)**